

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

26 NOVEMBER 2020

UEM Edgenta Hurlurkan Bantuan Kepada Komuniti Pantai Dalam

- Keperluan asas dan pek bantuan makanan diagihkan kepada 700 keluarga Asnaf;
- Kerja-kerja sanitasi dan menyah kuman dijalankan di 6 buah masjid dan surau serta turut menyumbangkan pelitup muka dan pembersih tangan (*'hand sanitiser'*).

PANTAI DALAM, 26 November – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) telah menyumbangkan pek bantuan makanan kepada 700 keluarga Asnaf berdaftar yang menetap di sekitar kawasan Pantai Dalam, Kuala Lumpur, yang juga merupakan lokasi ibu pejabatnya. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat Syarikat bagi membantu masyarakat di sekitar kawasan operasinya yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Selain menyumbangkan pek bantuan makanan, Syarikat juga turut memanfaatkan kepakarannya dalam perkhidmatan pengurusan fasiliti dengan menjalankan kerja-kerja sanitasi dan menyah kuman di 6 buah masjid dan surau di kawasan tersebut, yang merangkumi Masjid Ar-Rahah, Masjid Al-Ikhlasih, Masjid Jamek Al-Khadijah, Masjid Ar-Rahman, Surau An-Nur Hidayah dan Surau Al-Makmur Sri Pantai. Di samping itu, UEM Edgenta turut menyumbangkan pelitup muka dan pembersih tangan bagi memastikan bekalan barang keperluan di masjid dan surau tersebut mencukupi.

“Semua pihak berkepentingan di kawasan Pantai Dalam memainkan peranan penting untuk memastikan masyarakat setempat dapat terus berdaya tahan, terutamanya mereka yang menetap di sekitar kawasan ini agar dapat meneruskan aktiviti harian sama ada dengan bekerja dari rumah mahupun di tempat kerja masing-masing. Sejak beberapa dekad, masyarakat di Pantai Dalam telah menjadi antara penyumbang utama kepada pembangunan ekosistem sosial dan ekonomi di Lembah Klang. Kami berharap bantuan yang dihurlurkan ini dapat meringankan beban yang dihadapi oleh ahli keluarga dan masyarakat umum sepanjang tempoh yang mencabar ini,” kata Razman Ismail, Ketua Pegawai Sumber Manusia, UEM Edgenta yang mewakili pihak Syarikat pada majlis penyerahan sumbangan di Masjid Ar-Rahah awal hari ini.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.